

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 03 DISEMBER 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pakar, saintis tempatan perlu kukuhkan kerjasama di peringkat antarabangsa	Utusan Malaysia
2.	Wajib pasar hasil kajian	Harian Metro
3.	Bidang Mikroskopi antara tumpuan utama MOSTI bangunkan teknologi – Timbalan Menteri	BERNAMA
4.	Malaysia lancar standard pelancongan Islam pertama dunia	Utusan Malaysia
6.	Malaysia lancar garis panduan pelancongan mesra muslim	BERNAMA
7.	Peka amaran Jabatan Meteorologi, elak nahas di laut musim tengkujuh	Sinar Harian
8.	JBPM Kelantan beri tumpuan kawasan banjir di Tumpat	BERNAMA
9.	1,700 nelayan tradisional di Kelantan terima elaun sara hidup 15 Dis ini	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM BEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 3 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

Pakar, saintis tempatan perlu kukuhkan kerjasama di peringkat antarabangsa

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Kerjasama antara pakar dan saintis tempatan dengan antarabangsa bagi aktiviti pemuliharaan dan penggunaan lestari hasil tanaman perlu diperkuuhkan khususnya bagi menyokong serta melengkapkan usaha negara-negara membangun dalam menghadapi peralihan ekonomi seperti Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, Malaysia perlu mengambil langkah itu selain berusaha sedaya-upaya menyediakan kapasiti dan sokongan kewangan bagi menjamin kualiti, pengeluaran dan bekalan makanan negara selamat.

Katanya, penghasilan tanaman yang terjejas akibat pelbagai penyakit boleh memberi impak negatif kepada ekonomi negara sekali gus mengakibatkan indus-

tri tempatan seperti makanan, farmasi, kosmetik dan perubatan mengalami kerugian.

"Kerajaan menyedari pertanian antara sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Justeru, adalah penting untuk memastikan penghasilan tanaman negara selamat dan lestari untuk generasi pada masa hadapan.

"Saya difahamkan terdapat teknologi baharu yang dikenali sebagai 'omics', penanda molekul dan manipulasi genetik yang telah digunakan di banyak negara maju untuk merawat tanaman yang berpenyakit serta menghasilkan tanaman yang lebih baik," katanya.

Beliau berucap dalam Persidangan Antarabangsa Pembaikan Tanaman bertemakan Kelestarian melalui Teknologi Termaju di Auditorium Kejuruteraan Universiti

Putra Malaysia (UPM), Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Samsuddin, Pengarah Institut Pertanian Tropika UPM, Prof. Dr. Zulkifli Idrus dan Pengerusi Persidangan tersebut, Prof. Datuk Dr. Siti Nor Akmar Abdullah.

Persidangan yang diadakan selama dua hari bermula hari ini itu merupakan anjuran Fakulti Pertanian UPM yang bekerjasama dengan University of Nottingham, University of Reading dan University of Wageningen.

Persidangan itu menggariskan terdapat pelbagai punca yang boleh menyebabkan penyakit terhadap tanaman antaranya bencana alam, perubahan iklim, masalah struktur tanah dan perbuatan manusia.



MADIUS TANGAU (tiga dari kiri) mendengar penerangan mengenai produk simpanan kotak pemanas solar disinfektasi serangga perosak ketika melawat tapak pameran dalam Persidangan Antarabangsa Pembaikan Tanaman di UPM, Serdang, semalam.

- UTUSAN/
MD.SHAH
JEHAN
MAAMIN

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 42
TARIKH: 3 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**



MADIUS (kanan) lawat Ladang Agro-PV UPM, semalam.

Wajib pasar hasil kajian

■ Syarat baru penerima geran penyelidikan

Oleh Mohd Nasif Badruddin

mnasif@hmetro.com.my

Puchong

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan mewajibkan penerima geran penyelidikan mengkomersialkan produk kajian mereka.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, ke menteriannya meminta penyelidik menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan dan sedia untuk dipasarkan kepada orang ramai.

"Kita tidak mahu hasil kajian hanya di atas kertas, sebaliknya yang lebih penting mereka perlu menghasilkan produk yang boleh

digunakan orang ramai dan inilah dipanggil sains perniagaan.

"Kerajaan amat menggalakkan penyelidikan dalam program teknologi hijau, sebab itu kita beri galakan dan insentif," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Ladang Agro-PV Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Produk Java Tea-PV, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Unit Pembangunan dan Penyelegaraan Fakulti Kejuruteraan UPM Ir Dr Mohammad Effendy Yaacob dan Penggerusi Solar System & Power Sdn Bhd (SSPSB) Datuk Chairil Nazri.

UPM menerusi Jabatan Kejuruteraan Proses dan

Makanan serta Pusat Penyelidikan Kuasa dan Tenaga Maju bekerjasama dengan SSPSB membangunkan teknologi solar fotovoltaik (PV) yang memanfaatkan sepenuhnya sumber tenaga matahari untuk menjana tenaga elektrik bagi penanaman herba lestari.

Sementara itu, Dr Mohammad Effendy berkata, buat permulaan, pihaknya menanam herba misai ku cinc menerusi kaedah penanaman di bawah panel solar dan ia turut menjadi mercu tanda UPM apabila muncul ladang terbesar peringkat universiti Asia Tenggara yang menggunakan teknologi solar.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 03 DISEMBER 2015 (KHAMIS)



Bidang Mikroskopi Antara Tumpuan Utama Mosti Bangunkan Teknologi - Timbalan Menteri

MELAKA, 2 Dis (Bernama) -- Bidang mikroskopi merupakan antara bidang tumpuan utama **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bagi meningkatkan pembangunan teknologi dan kejuruteraan seiring dengan pembangunan negara.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata dapatan kajian atau penghasilan teknologi dalam bidang mikroskopi mampu memajukan pelbagai industri di negara ini antaranya tanaman dan kesihatan.

"Sebahagian besar jumlah pembiayaan penyelidikan yang diperuntukkan kerajaan iaitu kira-kira 40 peratus mempunyai kaitan dengan bidang mikroskopi.

"Bidang ini banyak melibatkan bidang kejuruteraan dan teknologi yang mampu memberi manfaat yang amat besar dalam menyelesaikan masalah atau memudahkan kehidupan masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Saintifik Persatuan Mikroskopi Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Datuk Dr Mohd Razali Muhamad dan Presiden Persatuan Mikroskopi Malaysia Profesor Madya Kapten Dr Farid Che Ghazali.

Sehubungan itu, Abu Bakar berkata penyelidik dalam bidang tersebut disaran memastikan hasil penyelidikan mereka mampu memberi impak yang tinggi kepada masyarakat dan mempunyai nilai komersial untuk dipasarkan secara meluas di peringkat tempatan dan global.

Sementara itu, beliau berkata penyelidik tempatan perlu mempunyai kesungguhan untuk memantapkan hasil penyelidikan mereka bagi memastikan ia mempunyai nilai komersial dan inovasi yang berupaya mewujudkan industri baharu di negara ini.

"Penekanan ini juga bertujuan menjadikan negara sebagai pengeluar teknologi produk baharu berasaskan penyelidikan yang mampu memberi manfaat kepada mereka, masyarakat dan negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata masyarakat tempatan diminta menggunakan atau menerima pakai teknologi yang dihasilkan penyelidik tempatan dalam usaha memudahkan kehidupan mereka.

Katanya ini kerana sokongan masyarakat terhadap produk atau teknologi tempatan masih berada pada tahap yang rendah sehingga mengekang perkembangannya untuk dikomersialkan.

"Kebanyakan produk yang dihasilkan penyelidik negara mempunyai nilai komersial yang tinggi dan mendapat pengiktirafan antarabangsa namun sokongan masyarakat yang rendah menyukarkannya untuk dikomersialkan," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM BEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 3 DISEMBER 2015 (KHAMIS)

Malaysia lancar standard pelancongan Islam pertama dunia

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Islamic Tourism Centre hari ini melancarkan satu standard baharu melibatkan pelancongan Islam yang pertama di dunia, bertujuan menjadi garis panduan penggiat industri mengendalikan pelanggan mereka yang beragama Islam.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, standard yang diberi nama 'MS2610:2015 - Muslim Friendly Hospitality Services - Requirements' itu berperanan memelihara dan melindungi sistem serta integriti produk perkhidmatan dan pelancongan Islam negara.

"Bagi pengusaha hotel, pengendali pelancongan dan pemandu pelancong, dokumen ini akan memberikan bimbingan dan penjelasan untuk perkhidmatan terbaik kepada pelanggan yang beragama Islam.

"Dalam usaha Malaysia untuk terus menerajui dan berkembang maju dalam sektor pelancongan Islam secara global, kita perlu membina asas yang kukuh iaitu dengan wujudnya standard ini," katanya dalam sidang akhbar *Islamic Tourism Masterclass: Muslim Friendly Hospitality Services Standard*, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin dan Ketua Pengarah Pusat Pelancongan Islam, Zulkifly Md. Said.

Tambah Ermieyati, melihat ke-



MAS ERMIEYATI SAMSUDIN (tengah) meneliti buku panduan *Muslim Friendly Hospitality Services - Requirements* sambil diperhatikan Fadilah Baharin dan Zulkifly Md. Said selepas melancarkan program tersebut di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

pada pasaran pelancongan Islam seluruh dunia yang semakin pesat membangun, penggiat industri dalam negara harus merebut peluang perniagaan yang berpotensi tinggi dalam sektor tersebut.

"Terdapat satu kajian yang mencatatkan bahawa nilai pasaran global bagi pelancongan Islam tahun 2014 berada pada AS\$142 bilion (RM600 bilion) dan nilai itu tidak

termasuk haji dan umrah.

"Kelebihan Malaysia yang sentiasa mendapat pengiktirafan sebagai peneraju pelancongan Islam harus digunakan penggiat industri negara sebagai batu loncatan untuk merebut peluang di peringkat global," katanya.

Dalam pada itu, Fadilah berkata, bagi hotel yang ingin mendapatkan persijilan standard tersebut, permohonan boleh dibuat di Islamic Tourism Centre.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 03 DISEMBER 2015 (KHAMIS)



Malaysia Lancar Garis Panduan Pelancongan Mesra Muslim

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia kini melangkah ke hadapan dalam merancakkan industri pelancongan dengan melancarkan garis panduan pelancongan bertujuan menjadikannya negara mesra Muslim.

Garis panduan dengan nombor rujukan MS2610:2015 'Keperluan Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim' itu diperkenal sebagai suatu sistem untuk memelihara dan melindungi integriti produk serta perkhidmatan pelancongan Islam.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata Malaysia diiktiraf sebagai negara peneraju dalam industri pelancongan Islam.

"Selama lima tahun berturut-turut, kita (Malaysia) dinamakan sebagai destinasi percutian nombor satu bagi pelancong Islam," katanya selepas merasmikan garis panduan pelancongan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Garis panduan itu merupakan hasil kaji selidik yang dijalankan badan antarabangsa iaitu Thomson Reuters, Mastercard dan Cresentring.

Mas Ermieyati menyifatkan kejayaan itu sebagai penyumbang kepada ekosistem pembangunan ekonomi berteraskan Islam kepada negara.

Katanya bermula daripada industri halal hingga kepada sistem kewangan dan pelancongan Islam, Malaysia menjadi model negara Islam yang sederhana namun progresif selain dijadikan inspirasi serta contoh oleh komuniti Islam dunia.

MS2610:2015 dibangunkan **Jabatan Standard Malaysia** dengan kerjasama Pusat Pelancongan Islam bagi memastikan produk serta perkhidmatan yang disediakan kepada pelancong Islam mematuhi prinsip Syariah.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI PAHANG) : MUKA SURAT 50
TARIKH : 3 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

Peka amaran Jabatan Meteorologi, elak nahas di laut musim tengkujuh

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan nelayan negeri ini khususnya nelayan pantai yang menggunakan bot kecil berhati-hati turun ke laut dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Pengaruhnya, Adnan Hussain berkata, jika keadaan memerlukan mereka untuk ke laut menangkap ikan, nelayan perlu mendapatkan maklumat terkini mengenai cuaca daripada Jabatan Meteorologi atau

pun Jabatan Perikanan.

"Maklumat sama juga boleh diperoleh melalui media cetak dan elektronik atau laman sesawang agensi yang berkaitan. Keadaan angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter adalah merbahaya kepada bot-bot kecil," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Nelayan juga dinasihat keluar

secara berkumpulan untuk elak kejadian tidak diingini.

"Mereka juga diingatkan supaya pastikan peralatan komunikasi bot berada dalam keadaan baik sebelum ke laut. Jabatan Perikanan Pahang akan menaikkan bendera merah di pangkalan perikanan di Padang Lalang di sini sebagai amaran kepada nelayan supaya berhati-hati dengan keadaan cuaca di laut sepanjang musim tengkujuh," katanya.

Katanya, selain itu nelayan dinasihatkan tidak memasak di atas bot ketika cuaca buruk bagi mengelakkan risiko kebakaran selain memastikan peralatan pemadam api dalam keadaan baik serta diselenggara.

Katanya, setiap bot nelayan juga wajib menyediakan peralatan keselamatan seperti jaket, pelampung, alat pemadam api dan tali keselamatan seperti yang ditetap-

kan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan) 1985.

"Jika gagal mematuhi peraturan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000," katanya yang meminta nelayan berhubung dengan Jabatan Perikanan di talian 03-88704058 atau 09-5177616 ataupun lain-lain agensi menyelamat jika berlaku kesulitan.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 03 DISEMBER 2015 (KHAMIS)



JBPM Kelantan Beri Tumpuan Kawasan Banjir Di Tumpat

KOTA BAHARU, 2 Dis (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan akan memberi tumpuan di beberapa kawasan di Tumpat terutama berdekatan Sungai Golok, berikutan air dari kawasan Rantau Panjang di Pasir Mas mula memasuki jajahan itu Rabu.

Pengarahnya Azmi Osman berkata walaupun terdapat beberapa kampung di Rantau Panjang masih digenangi air, kebanyakan kawasan sudah mulai surut.

"Hari ini air secara perlahan mula bergerak ke Tumpat menuju ke Kampung Bendang Pak Yong dan kami melakukan penyelarasan anggota di Pengkalan Kubor termasuk penyediaan aset seperti bot sebagai langkah persediaan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, Rabu.

Mengulas lanjut, Azmi berkata pihaknya turut menerima bantuan dari 17 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu 35 anggota JBPM Pengkalan Kubor.

"Kita akan selaraskan prosedur operasi pada bila-bila masa jika berlaku banjir di Tumpat khususnya bagi kampung-kampung yang berada di sepanjang Sungai Golok terutama Kampung Bendang Pak Yong," katanya.

Beliau berkata sebagai langkah berjaga-jaga, rondaan dan pemantauan masih diteruskan di Rantau Panjang terutama di kawasan rendah.

"Semua aset masih dikelaskan di Rantau Panjang sebagai persediaan kerana daripada ramalan **Jabatan Meteorologi**, hujan dijangka lebat pada Sabtu ini," katanya.

Beliau berkata sehingga kini, keadaan banjir di Kelantan masih terkawal dan tiada sebarang pemindahan dilakukan.

Dalam pada itu, Azmi berkata anggota JBPM di jajahan yang tidak terjejas banjir seperti Pasir Puteh, Bachok dan Kota Baharu akan dikerahkan untuk membantu kawasan terjejas bencana itu mengikut keperluan semasa.

"Kita nasihatkan mereka yang tinggal di kawasan berisiko banjir seperti di sepanjang Sungai Golok sentiasa bersiap sedia menghadapi banjir dengan mematuhi arahan pihak berkuasa," katanya.

Setakat ini, banjir melanda enam kampung iaitu Lanchang, Jejawi, Binjai, Bonggor, Banggol Nyiur dan Kelewar di Rantau Panjang yang dinaiki air antara 0.5 meter dan 2 meter sejak Jumaat lepas.

Banjir berkenaan turut menyebabkan kira-kira 900 penduduk dalam Mukim Bukit Lata terputus hubungan selepas jalan kampung yang menghubungkan mereka dengan jalan utama ditenggelami air.

Menurut portal rasmi kerajaan Kelantan, <http://ebanjir.kelantan.gov.my/>, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang pada 4 petang tadi masih melebihi paras bahaya 9 meter iaitu 9.18 meter.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 03 DISEMBER 2015 (KHAMIS)



1,700 Nelayan Tradisional Di Kelantan Terima Elaun Sara Hidup 15 Dis Ini

PASIR PUTEH, 2 Dis (Bernama) -- Kira-kira 1,700 nelayan tradisional di negeri ini akan menerima elaun sara hidup untuk Nov lepas, pada 15 Dis ini.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kelantan, Abdullah Ismail berkata bayaran elaun bulanan melibatkan peruntukan kira-kira RM500,000 itu diharap dapat meringankan beban mereka untuk menghadapi musim tengkujuh berikutnya tidak boleh turun ke laut akibat laut bergelora.

"Mereka terdiri daripada nelayan di Jajahan Tumpat, Kota Baharu, Bachok dan Pasir Puteh," katanya ketika dihubungi di sini, Rabu.

Abdullah berkata nelayan yang memiliki lesen bot Zon A akan menerima elaun sebanyak RM300 manakala bagi bot Zon B dan C masing-masing akan menerima RM250 yang akan dibayar menerusi akaun bank masing-masing atau secara tunai.

Beliau berkata mereka juga digalakkan mencari pekerjaan alternatif bagi menambah pendapatan sepanjang tempoh tidak dapat ke laut.

"Ini termasuk bercucuk tanam, menternak lembu, kambing dan biri-biri serta menjual makanan yang berasaskan ikan seperti keropok dan ikan kering yang mendapat pasaran baik pada musim tengkujuh ini," katanya.

Beliau turut menasihati nelayan agar sentiasa mematuhi amaran cuaca dan laut bergelora yang dikeluarkan oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

Katanya LKIM mendapati masih terdapat nelayan tradisional yang ke laut walaupun amaran bahaya dikeluarkan oleh jabatan itu.

-- BERNAMA



Kami Masih Trauma, Usah Sebar Berita Tidak Benar Berkaitan Banjir

Oleh Mohamad Bakri Darus

KOTA BAHARU (Bernama) -- "Saya runting sangat melihat hujan lebat dalam beberapa hari ini. Takut bah besar macam tahun lepas mari lagi," kata Rohana Awang, seorang penduduk di Manek Urai Lama, Kuala Krai sebaik memulakan bicaranya dengan penulis mengenai musim tengkujuh sekarang ini.

Hampir setahun bencana banjir yang membawa banyak kerosakan di bumi Kelantan itu berlalu namun Rohana, 44, mengenang Disember lepas sebagai membawa trauma besar dalam hidupnya.

Kemuncak banjir berlaku pada 24 Dis, 2014 sehingga beliau beranggapan situasi itu "antara hidup dan mati" apabila terpaksa berhadapan dengan air yang mampu menenggelamkan aras dua bangunan Sekolah Kebangsaan Manek Urai.

"Air semakin naik, saya bersama anak berusia lapan tahun dan lebih 300 orang penduduk terpaksa berpindah dari aras bawah ke aras satu kemudian ke aras dua sebelum ke aras tiga (aras terakhir) bangunan sekolah. Sukar untuk dibayangkan ketika itu, apa pun kami semua selamat di aras tiga kerana air hanya menenggelamkan sehingga aras dua," tambahnya air mulai surut beberapa hari kemudian.

PERISTIWA YANG MENAKUTKAN

Rohana yang rumahnya bersebelahan sekolah berkenaan, mengimbau kembali peristiwa itu sebagai amat menakutkan, antaranya beliau dapat menyaksikan sembilan buah rumah penduduk dihanyut arus di kawasan kampungnya yang sudah menjadi "lautan".

"Kadangkala bangunan sekolah terasa bergegar apabila dilanggar rumah dan kayu balak yang hanyut selain arus yang deras," katanya sambil ketika itu turut membayangkan adakah masih wujud lagi rumahnya atau senasib dengan rumah lain yang hanyut dibawa arus.

Apabila banjir surut, perkampungan Manek Urai Lama itu bagaikan "dilanggar garuda" akibat tsunami arus banjir yang kuat menyebabkan banyak kerosakan termasuk rumah hanyut dan rosak serta dipenuhi lumpur tebal.

"Rumah saya tidak hanyut tetapi mengalami kerosakan yang teruk, sehingga sekarang pun kami sekeluarga tinggal dalam kontena yang dijadikan tempat berlindung sementara sebelum rumah dapat dibaik pulih sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata sekarang ini, anak perempuannya itu masih trauma sehingga takut untuk melihat air Sungai Galas yang menyebabkan banjir besar di kawasan berkenaan.

Rohana berkata beliau dilahirkan di kampung tersebut dan seingat beliau apabila tiba musim tengkujuh setiap tahun pasti berlaku banjir dan tahun lepas adalah bencana paling teruk dan "dahsyat".

"Masa saya kecil-kecil dan remaja dahulu selalu main air banjir hingga arwah ayah marah, masa tu banjir ni perkara biasa, seronok," tambahnya sekarang ini istilah "pesta banjir" sudah tidak wujud lagi.

TRAUMA BANJIR MENGHIMPIT

Rata-rata penduduk di Manek Urai Lama yang ditemui menceritakan kisah hampir sama kepada penulis dan masing-masing berharap musim tengkujuh tahun ini tidak membawa bersama banjir luar biasa seperti akhir tahun lepas.

Manek Urai Lama adalah antara banyak kawasan di Kelantan yang terjejas teruk akibat bencana banjir tahun lepas dan mengikut rekod Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan bagi seluruh negeri ini terdapat kira-kira 170,000 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan.

Rata-rata perkampungan yang terjejas teruk itu terletak berhampiran dengan Sungai Galas, Sungai Lebir, Sungai Nenggiri dan Sungai Kelantan, meliputi jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat dan Kota Baharu.

Rata-rata penduduk di kawasan yang teruk dilanda banjir telah membuat persiapan sekurang-kurangnya bagaimana untuk menyelamatkan diri dan keluarga apabila berlaku banjir.

Bagi penduduk yang berhampiran dengan bukit dan agak jauh daripada pusat pemindahan, mereka membina bangsal atas bukit dan menyediakan bot manakala mereka yang tiada kawasan tanah tinggi membina rumah rakit sementara menunggu bantuan daripada pihak berkuasa.

Pihak berkuasa pula didapati telah membuat persiapan bagi menghadapi kemungkinan banjir terutama dalam operasi menyelamat dan mengagihkan bantuan barang keperluan asas kepada mangsa banjir agar teratur dan sampai kesasaran.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir Negeri (JPBN) Kelantan menyatakan sebanyak 773 pusat pemindahan yang mampu memuatkan 220,290 orang telah disediakan berbanding 687 pusat pemindahan pada tahun lepas.

Pengerusinya Datuk Faudzi Che Mamat berkata sebanyak 175 pangkalan hadapan iaitu tempat menyimpan barang keperluan asas, telah diwujudkan tahun ini berbanding 170 buah tahun lepas termasuk tambahan empat mini depoh di Pasir Mas, Kuala Krai, Tanah Merah dan Gua Musang.

"Kekuatan anggota penyelamat turut ditambah kepada 4,269 orang berbanding 3,260 tahun lepas selain tambahan aset menyelamat termasuk 108 buah lori, pacuan empat roda (189), bot (205), enjin sangkut (144) dan jaket keselamatan (2,966 helai).

"Sebanyak 142 lokasi pendaratan helikopter disediakan dengan tambahan 33 lokasi baharu di seluruh negeri ini," katanya yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

SEBARKAN BERITA YANG DISAHKAN

Sebelum mengakhiri perbualan dengan penulis, Rohana berkata sebarang maklumat berkaitan banjir termasuk laporan cuaca dan hujan oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia** amat penting dan beliau sentiasa mengikuti perkembangan yang disiarkan melalui radio dan televisyen serta akhbar.

Namun beliau berharap pengguna laman sosial seperti melalui aplikasi facebook dan whatsapp, dapat menyebarkan berita yang sudah disahkan kerana penyebaran maklumat palsu akan mencetuskan suasana panik dan kelam-kabut dalam masyarakat.

"Kami sudah cukup trauma, jangan tambahkan lagi ketakutan kami dengan mengada-adakan berita yang tidak benar. Nasihat saya sebarlah sesuatu perkara yang bermanfaat kepada masyarakat," katanya.

Cadangan Rohana itu selaras dengan gesaan pelbagai pihak lain termasuk polis dan tentera yang tidak mahu pengguna laman sosial menyebarkan maklumat palsu berkaitan sesuatu bencana seperti banjir.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melalui khutbah Jumaat pada 27 Nov lepas yang dibacakan di semua masjid di negeri ini turut mengingatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dalam menyebarkan berita berkaitan sesuatu bencana termasuk banjir.

"Berhati-hati menyebarkan sebarang berita tentang musibah, pastikan kebenarannya. Ini bagi mengelak berlakunya kegawatan dan huru-hara dalam masyarakat," kata Imam Tua (imam 1) Masjid Muhammadi Kota Baharu, Rosli Che Soh ketika menyampaikan khutbah berkenaan.

BERNAMA